CHARLES OBASI lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
AHMADI ASNAWI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05(M)-209-06-2016]
4 JANUARI 2018

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 678.8g – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Alasan rayuan – Kegagalan hakim bicara membenarkan pihak-pihak membuat hujahan secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan – Sama ada memprejudis tertuduh – Sama ada sabitan dan hukuman harus diketepikan*

Bertindak berdasarkan maklumat yang diterima, SP3 dengan dibantu oleh 12 orang anggota yang lain telah menghampiri perayu dan OKT kerana didapati berkelakuan dalam keadaan mencurigakan. SP3 melakukan pemeriksaan atas perayu dan beg galas berwarna hitam yang digalas oleh perayu. Di dalam beg galas yang digalas di bahagian belakang perayu, SP3 menjumpai satu sampul surat berwarna coklat yang tidak bertutup dan di dalam sampul surat tersebut, terdapat satu paket plastik lut sinar yang mengandungi bahan-bahan berbentuk kristal yang disyaki syabu. SP3 dan anggota-anggotanya tidak menemui apa-apa barang salah pada OKT2. Berikutan itu, perayu dipertuduh bersama-sama seorang yang lain OKT2, dengan pertuduhan bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum bawah s. 39B(2) Akta yang sama kerana didapati mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 678.8g. Di akhir kes pembelaan, OKT2 didapati berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan dan dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut. Walau bagaimanapun, perayu didapati bersalah, disabitkan atas kesalahannya dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Oleh itu, timbul rayuan ini atas alasan utama bahawa perayu diprejudis serta dinafikan hak untuk satu perbicaraannya yang adil apabila hakim bicara tidak membenarkan pihak-pihak pembelaan dan pendakwaan untuk membuat hujahan sama ada secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Ahmad Asnawi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Setelah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan, didapati bahawa kedua-dua TPR dan pembelaan tidak membuat sebarang hujahan secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan. Ini adalah selaras dengan dakwaan kedua-dua pihak bahawa hakim bicara tidak membenarkan mereka berhujah di akhir kes pendakwaan. (perenggan 29)

(2) Terdapat dua keputusan Mahkamah Persekutuan yang menangani isu yang dibangkitkan perayu. Kes pertama adalah *Lee Kwan Woh v. PP* yang memutuskan 'But what the trial court cannot lawfully do is to deprive an accused of his constitutionally guaranteed right to a fair trial by denying him or her of the opportunity to make submission of no case'. Kes kedua adalah *Diana Nelson Tanoja v. PP* yang memutuskan bahawa adalah tidak mandatori dan adalah budi bicara mahkamah untuk mendengar hujahan pihak pembelaan selepas kes pembelaan berdasarkan s. 181(1) Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah memilih untuk mengikuti kes *Lee Kwan Woh v. PP* kerana kes tersebut lebih menyeluruh dan merangkumi isu-isu hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. Ini tidak terbatas semata-mata pada isu interpretasi s. 181(1) Kanun Tatacara Jenayah, iaitu sama ada hakim bicara mempunyai budi bicara mendengar hujahan sebelum membuat keputusan. Lebih-lebih lagi, mana-mana tribunal pengadilan akan bersetuju bahawa selain bukti-bukti matan yang tidak boleh disangkal, keputusan sesuatu kes ada kalanya berpaksi pada kekuatan sesuatu hujahan yang dilontarkan oleh pihak-pihak berkaitan. (perenggan 30, 31 & 33)

(3) Keperluan memberi ruang kepada pihak-pihak berkaitan untuk berhujah tidak boleh diketepikan begitu sahaja atau dianggap sebagai sesuatu yang remeh atau dipandang sebagai sesuatu yang tidak membawa sebarang faedah dalam proses membuat keputusan oleh tribunal pengadilan. Selain melanggar per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan, penafian sedemikian juga akan mendatangkan prejudis pada pihak-pihak yang berkaitan. (perenggan 34)

English *Headnotes*

Acting on information received, SP3 with the aid of 12 other members, approached the appellant and OKT2 for behaving suspiciously. SP3 conducted an examination on the appellant and a black backpack carried by the appellant. Inside the backpack, SP3 found an unsealed brown envelope and inside the envelope, there was a transparent plastic package containing crystalline substances. However, SP3 and his members did not find anything incriminating on OKT2. Subsequently, the appellant was charged with OKT2 under s. 39B(1)(A) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('Act') read together with s. 34 of the Penal Code punishable under s. 39B(2) of the same Act for trafficking 678.8g of methamphetamine. At the end of the defence case, OKT2 succeeded in raising a reasonable doubt over the prosecution's case and was released. However, the appellant was found guilty, convicted of the offence and was sentenced to death. Hence, the present appeal arose primarily on the ground that the appellant was prejudiced for being denied the right to a fair trial when the trial judge disallowed the prosecution and the defence to submit their written or oral submission at the end of the prosecution's case.

Held (allowing appeal)
Per Ahmad Asnawi JCA delivering the judgment of the court:

(1) After reviewing the entire record of appeal, it was found that both the prosecution and the defence did not make any oral or written submissions at the end of the prosecution's case. This was in accordance with the allegations by both parties that the trial court did not allow them to make a submission at the end of the prosecution's case.

(2) There are two Federal Court decisions that dealt with the issue raised by the appellant. The first case is *Lee Kwan Woh v. PP* which held 'But what the trial court cannot lawfully do is to deprive an accused of his constitutionally guaranteed right to a fair trial by denying him or her of the opportunity to make submission of no case'. The second case is *Diana Nelson Tanoja v. PP* which held it is not mandatory and it is the court's discretion to hear the defense's submissions after the defense case under s. 181(1) of the Criminal Procedure Code. This court chose to follow *Lee Kwan Woh v. PP* as the case was more comprehensive and encompassed issues of right to a fair trial. It was not limited solely to the issue of interpretation. Section 181(1) of the Criminal Procedure Code, that is, whether the trial judge has the discretion to hear submissions before making a decision. Moreover, any tribunal would agree that apart from the uncontroverted evidence of the facts, the decision of a case may sometimes be attributed to the strength of a submission made by the relevant parties.

(3) The need to allow the relevant parties to make a submission could not be set aside or regarded as being trivial or viewed as something that does not bring any benefit in the process of making decisions by the court. In addition to violating art. 5(1) of the Federal Constitution, such denial would also prejudice the relevant parties.

Kes-kes yang dirujuk:
Diana Nelson Tanoja v. PP [2010] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 181(1)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(A)
Federal Constitution, art. 5(1)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - K Viknesvaran; T/n Viknes Ratna & Co
Bagi pihak responden - Muhamad Azmi Mashud; TPR

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45A-23-04-2015 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

A

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Pada asalnya perayu telah dituduh bersama seorang yang lain, iaitu Samuel Maduka Ogbonnoya ('OKT2'), dengan pertuduhan berikut:

B

> Bahawa kamu bersama-sama pada 10.9.2014, jam lebih kurang 5.30 petang, di hadapan Restoren Ga Ga Western Corner, No. 108, Jalan Radin, Bandar Baru Sri Petaling, dalam Daerah Brickfields, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur telah didapati mengedar dadah jenis Methamphetamine berat bersih 678.8 gram. Dengan itu kamu bersama-sama telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(A) Akta Dadah Berbahaya, 1952, yang dibaca bersama seksyen 34, Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

C

[2] Di akhir kes pembelaan, Samuel Maduka Ogbonnoya (OKT2) didapati telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Beliau lantas telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut. Walau bagaimanapun, perayu (OKT1) telah didapati bersalah, disabitkan di atas kesalahannya dan telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

D

E

[3] Rayuan di hadapan kami ialah berkaitan dengan sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu. Kami telah mendengar dan seterusnya telah membenarkan rayuan perayu berdasarkan alasan-alasan yang menyusul selepas ini.

Kes Pihak Pendakwaan

F

[4] Bertindak di atas maklumat yang diterima, pada 10 September 2014, kira-kira jam 5.30 petang, SP3 (D/SM Mohd Sidek Paimin) dengan dibantu oleh 12 orang anggota yang lain telah menghampiri perayu dan OKT2 dengan tujuan untuk menahan mereka di hadapan Restoran GA GA Western Corner di alamat seperti dinyatakan dalam kertas pertuduhan. Sebelumnya, kedua-

G

dua mereka telah dilihat berkelakuan dalam keadaan yang mencurigakan.

[5] Perayu dan OKT2 cuba melarikan diri sebaik sahaja SP3 memperkenalkan diri sebagai polis. Namun kedua-dua mereka berjaya ditangkap oleh SP3 dan anggota-anggotanya selepas berlaku pergelutan.

H

[6] SP3 telah melakukan pemeriksaan ke atas perayu dan beg galas berwarna hitam (eks. P11) yang digalas oleh perayu. Di dalam beg galas yang digalas di bahagian belakang perayu, SP3 telah menjumpai satu sampul surat berwarna coklat (eks. P12) yang tidak bertutup dan di dalam sampul surat tersebut, terdapat satu paket plastik lut sinar (eks. P13) yang mengandungi bahan-bahan berbentuk kristal yang disyaki syabu.

I

[7] SP3 dan anggota-anggotanya tidak menemui apa-apa barang salah pada OKT2.

[8] Perayu dan OKT2 telah dibawa balik ke Pejabat Narkotik, IPD Brickfields, bersama-sama dengan ekshibit yang dirampas, iaitu, antara lain, beg galas warna hitam yang digalas oleh perayu dan bahan-bahan yang disyaki dadah yang ditemui dari dalam beg galas tersebut. SP3 kemudiannya telah membuat senarai bongkar (eks. P16) dan laporan polis *vide* Sri Petaling Rept. No. 7388/14 (eks. P15).

[9] Perayu dan OKT2 dan barang-barang kes yang dirampas kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat, SP6 (Insp Siti Sarah Aisyah binti Saad).

[10] Ahli kimia, SP2 (Dr Vanitha a/p Kunalan) mengesahkan beliau telah menerima dari SP6 beg galas eks. P11 di mana di dalamnya mengandungi sampul surat eks. P12. Di dalam eks. P12 pula terdapat paket plastik lut sinar eks. P13 yang mengandungi bahan-bahan disyaki dadah. SP2 telah menjalankan analisis ke atas bahan-bahan tersebut dan mengesahkan bahawa bahan-bahan tersebut ialah methamphetamine seberat 678.8g. Laporannya dengan no. makmal 14-FR-B-19871 ialah eks. P8.

[11] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* ke atas perayu dan OKT2. Kedua-dua mereka telah dipanggil untuk membela diri.

Pembelaan Perayu

[12] Kami akan menyentuh tentang pembelaan perayu sahaja kerana rayuan ini hanya berkisar tentang pembelaan yang dikemukakan oleh perayu.

[13] Perayu telah memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.

[14] Menurut perayu, dia tinggal di Bukit Jalil dan pada hari yang berkenaan dia berhasrat untuk pergi ke Carrefour dengan berjalan kaki.

[15] Dalam perjalanan ke Carrefour, perayu singgah di Restoran GA GA untuk minum. Setelah memesan minuman, dia mencari meja kosong untuk duduk. Kebanyakan meja telah penuh dididuki oleh pelanggan-pelanggan.

[16] Perayu kemudiannya nampak satu meja yang sedia dididuki oleh seorang lelaki berbangsa Cina dan satu lelaki berbangsa Afrika. Perayu mengambil keputusan untuk duduk di meja tersebut kerana berasa selesa untuk duduk di meja yang dididuki oleh orang yang sebangsa dengannya.

[17] Perayu lantas duduk di sebelah lelaki Afrika tersebut yang kemudiannya dia camkan sebagai OKT2. Perayu bertegas bahawa dia tidak pernah mengenali OKT2 sebelum ini. Perayu juga bertegas bahawa dia tidak mempunyai "prior arrangement" untuk berjumpa OKT2 pada bila-bila masa pun.

[18] Setelah mengambil tempat duduk di sebelah OKT2, perayu melihat empat atau lima orang lelaki datang menghampirinya dalam keadaan mengancam lagi menakutkan.

[19] Perayu menjadi panik dan berusaha untuk melarikan diri. Namun lelaki-lelaki tersebut bertindak pantas dan berjaya menangkap dirinya dan OKT2 sejurus kemudian.

[20] Perayu dan OKT2 telah dibawa balik ke balai polis. Di situ barulah dia mengetahui bahawa lelaki-lelaki tersebut adalah anggota polis.

[21] Perayu menafikan sama sekali dia ada membawa beg galas P11 pada bila-bila masa. Sebaliknya, perayu menyatakan bahawa hanya setelah ditahan oleh lelaki-lelaki tersebut barulah dia nampak beg galas P11 tersebut terletak di atas lantai berhampiran dengan meja di mana dia duduk bersama dengan lelaki berbangsa Cina dan OKT2.

[22] Perayu turut menafikan mempunyai sebarang pengetahuan tentang isi kandungan beg galas P11 tersebut.

[23] Di akhir kes perbicaraan, hakim bicara mendapati bahawa perayu gagal untuk membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Sebaliknya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah.

[24] Dengan demikian, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Rayuan Perayu

[25] Peguam bela yang bijaksana telah mengutarakan alasan utama bahawa anak guamannya telah diprejudis serta dinafikan hak untuk satu perbicaraannya yang adil (fair trial) apabila hakim bicara yang bijaksana tidak membenarkan pihak-pihak pembelaan dan pendakwaan untuk membuat hujahan sama ada secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan.

[26] Peguam bela yang bijaksana mengadu bahawa kedua-dua pihak pembelaan dan pendakwaan tidak dipelawa untuk memberi hujahan secara lisan di akhir kes pendakwaan. Kedua-dua pihak juga tidak diberikan masa untuk memfailkan hujahan bertulis masing-masing. Kedua-dua pihak juga tidak diberi ruang untuk memfailkan serta mengemukakan hujahan bertulis walaupun mereka telah menyediakan hujahan bertulis masing-masing. Malah, menurut peguam bela yang bijaksana, hakim bicara tidak membenarkan kedua-dua pihak untuk berhujah selepas pihak pendakwaan menutup kesnya. Sebaliknya, hakim bicara yang bijaksana terus membuat keputusan seperti dizahirkan di ms. 17, jilid 2, rekod rayuan (RR) seperti berikut:

> Mahkamah: Maximum evaluation.
>
> Kedua-dua OKT dipanggil Bela Diri Sec. 39B(1)(a) ADB.
>
> SB pada 25, 26, 27/5/2016.

[27] Peguam bela yang bijaksana sayugia menghujahkan bahawa tindakan yang diambil oleh hakim bicara yang bijaksana telah memprejudiskan perayu dengan mendalam sekali. Selain itu perayu telah dinafikan haknya untuk satu perbicaraan yang adil yang nyata telah melanggar per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Beliau lantas memohon supaya rayuan perayu dibenarkan dan kes ini diperintahkan supaya dibicarakan semula di hadapan hakim yang lain.

[28] Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') yang bijaksana mengesahkan bahawa kedua-dua pihak telah tidak dibenarkan untuk mengemukakan hujahan masing-masing, baik secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan. Beliau menyerahkan kepada mahkamah untuk membuat keputusan yang sewajarnya.

Keputusan Kami

[29] Kami telah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan dengan cermat dan bersetuju dengan pengataan peguam bela dan TPR yang bijaksana bahawa kedua-dua pihak pembelaan dan pendakwaan tidak membuat sebarang hujahan baik secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan. Ini konsisten dengan dakwaan kedua-dua pihak bahawa hakim bicara yang bijaksana tidak membenarkan mereka untuk berhujah di akhir kes pendakwaan.

[30] Terdapat dua keputusan Mahkamah Persekutuan yang menangani isu yang dibangkitkan oleh perayu di dalam kes ini. Kes pertama ialah *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631 yang memutuskan, di ms. 645, 646:

> [18] Drawing the threads together, it is clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art. 5(1) that a person's life (in its widest sense) or his or her personal liberty (in its widest sense) may not be deprived save in accordance with State action that is fair both in point of procedure and substance. Whether an impugned State action is substantively or procedurally fair must depend on the fact pattern of each case. However, when the principle is applied to a criminal case, what it means is that an accused has a constitutionally guaranteed right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts. If there is an infraction of any of these rights, the accused is entitled to an acquittal. Whether there has been a fair trial by an impartial tribunal or a just decision depends on the facts of each case ...
>
> [19] ... In our judgment, the constitutionally guaranteed right in an accused to a fair trial includes his right to make a submission of no case at the close of the prosecution's case. It is a right that he or she may waive. But he or she cannot be deprived of it. That unfortunately is what happened here. The accused accordingly did not have a fair trial and art. 5(1) was violated. Following *Public Prosecutor v Choo Chuan Wang* he is entitled to have his conviction set aside on this ground. We would add that the view expressed by Bellamy J in *Public Prosecutor v. H Parnaby* [1953] 1 LNS 73 that a trial court is not bound to hear submissions at the close of the prosecution case is not correct. Neither are the decisions that have followed it, namely *Public Prosecutor v. Chong Boo See* [1988] 1 CLJ 679;

A [1988] 2 CLJ (Rep) 206 and *Public Prosecutor v. Wong Kok Wah* [2000] 1 CLJ 217. In our judgment, a trial court must, at the close of the prosecution case, invite submissions from an accused. It is then open to the accused to say that he or she does not wish to make a submission. But if he or she does not make that election, he or she must be heard. It is however open to the court, after it has heard those submissions to reject them and
B call for the defence without affording the prosecution a right to reply. This course does no harm to the prosecution. **But what the trial court cannot lawfully do is to deprive an accused of his constitutionally guaranteed right to a fair trial by denying him or her of the opportunity to make submission of no case**. (tekanan oleh kami)

C **[31]** Mahkamah Persekutuan dalam kes *Diana Nelson Tanoja v. PP* [2010] 3 CLJ 1 pula memutuskan di ms. 8, 9, seperti berikut:

[33] The next question we ask is whether the learned trial judge is obliged to hear submissions from counsel and DPP before he gives his decision?

D [34] In other words, is it mandatory for the learned trial judge to hear submissions before giving his decision?

[35] In our judgment it is not mandatory for the learned trial judge to hear submission from learned counsel before giving his decision.

[36] Section 181(1) of the Criminal Procedure Code provides:

E When the accused is called upon to enter his defence he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which he intends to rely and making such comments as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses (if any) and after their cross-examination and re-examination (if any) **may sum up his case** ... (emphasis
F added).

[37] The word 'may' indicates a discretion. Therefore it could be seen that submission at the end of the defence case is discretionary and not mandatory. Therefore the learned trial judge could if he wanted to, decide without having the need to hear submission from defence counsel.
G Submission is not evidence and hence the judgment is not defective. If the law categorically states that it is not mandatory for counsel to make submission, we can see no reason why it is mandatory for the learned trial judge to hear submission. What, if learned counsel chooses not to make submission? Is the learned trial judge still obliged to call upon learned counsel to make submission? If indeed the law intends that the learned
H trial judge should hear submission than it would say so in no uncertain terms.

[32] Nyata kedua-dua keputusan Mahkamah Persekutuan di atas tidak sehaluan, yang membawa implikasi mahkamah bawahan bebas untuk memilih yang mana satu yang wajar dijadikan ikutan.

I **[33]** Sehubungan dengannya, kami memilih untuk mengikuti *Lee Kwan Woh v. PP* (*supra*) di mana keputusan dalam kes tersebut lebih menyeluruh jangkauannya yang merangkumi isu-isu hak untuk mendapatkan pembicaraan

yang adil seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia juga meliputi batas-batas dari segi prosedural dan 'substance' yang perlu dihormati dan diikuti untuk menjamin hak untuk satu pembicaraan yang adil itu terpelihara. Hak untuk membuat hujahan di akhir kes pendakwaan adalah salah satu ciri dalam hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. Ianya tidak terbatas semata-mata kepada isu interpretasi s. 181(1) Kanun Tatacara Jenayah, iaitu sama ada hakim bicara mempunyai budi bicara untuk mendengar hujahan sebelum beliau membuat keputusan atau adakah ia sesuatu yang mandatori bagi hakim bicara untuk mendengar hujahan sebelum membuat keputusan. Lebih-lebih lagi secara praktiknya mana-mana tribunal pengadilan akan bersetuju bahawa selain daripada bukti-bukti matan yang uncontroverted, keputusan sesuatu kes tersebut ada kalanya berpaksi kepada kekuatan sesuatu hujahan yang dilontarkan oleh pihak-pihak yang bertikaian tersebut. Ada juga kalanya sesuatu keputusan itu dipengaruhi (swayed) oleh kekuatan hujahan yang dicetuskan oleh pihak-pihak yang bertikaian tersebut.

[34] Keperluan untuk memberi ruang kepada pihak-pihak yang bertikaian untuk berhujah tidak boleh diketepikan begitu sahaja atau dianggap sebagai sesuatu yang remeh atau dipandang sebagai sesuatu yang tidak membawa sebarang faedah dalam proses membuat keputusan oleh tribunal pengadilan. Selain dari melanggar per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan, penafian yang sedemikian akan juga mendatangkan prejudis yang bukan kepalang kepada pihak-pihak yang bertikaian.

[35] Atas alasan ini sahaja, kami membenarkan rayuan perayu.

[36] Memandangkan kepada keputusan di atas, maka tidaklah ada lagi keperluan bagi kami untuk menangani alasan rayuan sampingan yang berkaitan dengan keabsahan dapatan hakim bicara yang melepas dan membebaskan OKT2 tetapi mensabitkan perayu, sedangkan pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka melibatkan kes niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan. Lagi pun persoalan ini melibatkan isu-isu fakta yang sememangnya wajar diputuskan oleh hakim bicara.

[37] Pada akhirnya, kami dengan ini mengetepikan sabitan dan hukuman gantung sampai mati yang dikenakan ke atas perayu seperti yang diperintahkan oleh hakim bicara yang bijaksana, seraya menggantikannya dengan perintah supaya kes ini dibicarakan semula di hadapan hakim yang lain.